Bangsa Apakah Yang Dirujuk Sebagai

Di Dalam Ahadith Akhir Zaman?

MUSA CERANTONIO

BANGSA APAKAH YANG DIRUJUK SEBAGAI RUM DI DALAM AHADITH AKHIR ZAMAN？

Musa Cerantonio

الحمد لله وصلاة وسلام على رسول الله

Segala puji-pujian syukur kepada Allah dan selawat serta salam berpanjangan ke atas Rasulullah

MENGAPAKAH IDENTITI RUM PENTING UNTUK DIKETAHUI?

Apabila membaca atau membincang tentang eskatologi Islamiah (ilmu akhirat Islamiah) adalah hampir mustahil untuk mengelak daripada menyebut suatu bangsa yang kenali sebagai Rum. Telah banyak perbahasan dilakukan untuk menentukan siapakah sebenarnya umat Rum di akhir zaman nanti dan pelbagai pendapat dikemukakan, namun masih tiada kata sepakat dalam isu ini. Bukanlah suatu perkara ganjil apabila wujud perbahasan tentang sesuatu isu yang belum berlaku, namun adalah amat mengejutkan bagi penyelidik-penyelidik isu-isu tersebut untuk mendapati amat sedikit perbicaraan tentang identiti Rum dibincangkan, dan terlalu jarang sekali untuk menemui perbincangan terperinci mengenai tajuk tersebut atau ada suatu rumusan pendapat yang dipersetujui oleh seluruh ilmuan Muslim. Ketiadaan kata putus yang dipersetujui oleh ramai yang bertembung dengan berbagai pendapat mereka-mereka yang menulis tentang hal ini menunjukkan identiti siapakah Rum itu masih belum tuntas terjawab, dan ianya masih belum dipertimbangkan secukupnya, sehingga ia meninggalkan persoalan kepada ramai apakah persoalaan ini tidak akan terjawab sampai ke akhir zaman atau jika jawapan itu akan diperolehi, tetapi sebenarnya kurangnya perhatian terhadap isu inilah yang melahirkan semacam kejahilan tentang tajuk ini.

Saya telah berusaha membaca and mendengar semua pendapat tentang tajuk ini dan kemudian sedaya-upaya cuba mencari jawapan saya sendiri bagi persoalan besar ini, dan memutuskan setelah perbincangan panjang-lebar dengan mereka-mereka yang diyakini mampu menasihati yang terbaik, semua mereka mencadangkan supaya saya berkongsi penemuan saya tentang isu ini dengan harapan sekurang-kurangnya akan menyemarakkan perbincangan khususnya tajuk ini dan harapan sebaiknya agar ia dapat mempersiapkan ummah Muslimin sebaik mungkin dalam menghadapi peristiwa-peristiwa yang pasti itu nanti. Saya berdoa kepada Allah Ta’ala semoga memberkati usaha ini dan ianya memberi manfaat kepada semua mereka yang beriman yang membacanya.

MEMAHAMI TANDA-TANDA AKHIR ZAMAN

Di antara rahmat daripada Allah kepada kita sebagai satu ummah ialah kita bukan sahaja dikhabarkan dengan kisah-kisah yang telah berlalu tetapi juga diingatkan dengan pelbagai maklumat tentang tanda-tanda atau amaran-amaran mengenai masa yang akan datang. Sebagaimana al-Qur'an dan pengajaran Nabi Muhammad ﷺ mengajar kita cerita-cerita umat-umat terdahulu dan apa yang telah terjadi kepada mereka, begitulah juga kita diingatkan tentang apa yang akan berlaku kepada umat ini di hari-hari yang akan mendatangi kita, sehinggalah akhir zaman. Ini ialah rahmat yang akan menolong kita untuk bersedia secukupnya dalam menghadapi apa yang akan terjadi, bagaimana pun ia juga menuntut kita supaya bersungguh-sungguh dalam memahami erti sebenar dan akibat-akibat setiap peringatan dan ramalan yang tersirat di dalam Wahyu.

Apabila kita menyelusuri tanda-tanda kedatangan akhir zaman kita perlu sedar bahawa memahami apa yang dikhabarkan itu adakala jelas dan mudah tetapi dalam keadaan lain hampir mustahil untuk dipastikan sehinggalah peristiwa-peristiwa itu berlaku. Suatu contoh ramalan yang jelas diberitakan dalam al-Qur‘an ialah seperti apa yang tersurat dalam beberapa ayat awal Surah ar-Rum:

غُلِبَتِ الرُّومُ فِي أَدْنَى الْأَرْضِ وَهُم مِّن بَعْدِ غَلَبِهِمْ سَيَغْلِبُونَ فِي بِضْعِ سِنِينَ

“*Telah tewas kaum Rum di bumi terdekat, tetapi mereka, setelah tewas, akan menang dalam tempoh 3–9 tahun*.” [30:2–4]

Ayat-ayat ini dengan jelas menyatakan apa dan bila peritiwa-peristiwa itu akan berlaku. Umat Rom yang dikalahkan oleh bangsa Parsi akan segera kemudian bangkit menewaskan kekuatan Parsi dan menuntut bela kekalahan mereka terdahulu. Tempoh masa perkara itu akan berlaku dijelaskan dalam sebutan bahasa Arab (fi biḍʿi sinin) bermaksud dalam tempoh 3–9 tahun. Peristiwa ini merupakan satu ramalan yang kemudian benar berlaku sepertimana dikhabarkan semasa hidup Nabi ﷺ dan dilihat sebagai satu daripada pelbagai mukjizat al-Qur’an. Bagi ramalan kenabian ini tiada keraguan tentang apa dan bila ia dijangkakan akan berlaku, dan tiada khilaf tentang maksud ayat-ayat itu, maka kita boleh anggapkan ini satu ramalan yang jelas dan jitu bagi sesiapa yang membaca atau mendengarnya.

Satu contoh ramalan kenabian yang tidak jelas (mutasyabihah) yang juga sudah berlaku ialah ramalan yang dikhabarkan Rasulullah ﷺ dalam sebuah hadith Jibril yang masyhur yang memaklumkan bahawa satu daripada tanda-tanda akhir zaman ialah:

وَإِذَا تَطَاوَلَ رُعَاةُ الإِبِلِ الْبُهْمُ فِي الْبُنْيَانِ

“*Dan apabila pengembala-pengembala unta berlumba antara satu dengan lain membina bangunan-bangunan tinggi dan berbangga dengannya*.”
[Sahih al-Bukhari 50]

Hadith ini boleh dikatakan tanpa sebarang kemusykilan merujuk kepada fenomena berterusan yang bermula pada dekad sebelumnya dimana orang-orang di Semenanjung Arab mula bersaing antara mereka untuk membina bangunan yang tertinggi di dunia. Dalam tempoh 4 tahun terakhir ini sudah dua buah bangunan tertinggi dibina di UAE dan Arab Saudi, dan menara yang ketiga diputuskan untuk dibina juga di Arab Saudi bakal menjadi bangunan tertinggi di dunia apabila siap nanti yang akan mencecah jarak sejauh 1 km ke udara. Apa yang mengagumkan tentang bangunan-bangunan itu semuanya adalah hasil pertumbuhan pesat negara-negara Arab sejak separuh abad lalu, jadi kebanyakan mereka yang terlibat dalam pembinaan menara-menara itu berasal daripada keluarga-keluarga Badwi yang telah menjadi jutawan segera. Saya pernah berjumpa seorang pengurus binaan Burj Khalifah di UAE pada tahun 2010 dan dia memberitahu saya bahawa dia berasal daripada keluarga Badwi dan satu ingatan awal beliau ialah bermain sebagai anak kecil berkaki ayam di padang pasir sementara keluarganya menjaga unta-unta dan kambing-kambing mereka. Demikian kita saksikan kebenaran menepati kata-kata ramalan tersebut dan kini semua nyata didepan mata kita, namun kerana ramalan itu tidak memperincikan tempat atau tempoh masa ia akan berlaku, maka mustahil bagi seseorang pada masa lalu untuk melihat kepada hadith itu dan mampu memahami ia akan benar terjadi di tempat mana atau pada tahun-tahun bila peristiwa ini berlaku.

Perbezaan antara perincian ramalan tentang peristiwa-peritiwa masa depan bermakna adakala maknanya amat jelas kepada mereka yang membaca atau mendengarnya, dan adakala mereka tidak jelas sehinggalah peristiwa itu berlalu, dan masih ada jenis ketiga yang boleh ditakrifkan sebagai ramalan-ramalan yang jelas tentang sesetengah hal dan mutasyabihah/tidak jelas dalam hal-hal lain yang dikhabarkan didalamnya. Ramalan yang termasuk dalam jenis ketiga mungkin menentukan nama-nama atau tempat-tempat tetapi mungkin tidak jelas kepada siapa dikhususkan rujukan tersebut, atau nama-nama tempat disebut tetapi terbuka seperti “timur”, yang boleh merujuk kepada mana-mana kawasan dari Iraq sehingga ke Jepun atau lebih jauh dari itu sehingga ke Dunia Baru (benua Amerika), maka sekalipun jelas “timur” bermakna bumi ke timur tanah Arab, namun tidak jelas bumi timur mana yang dirujuk. Jenis kategori inilah yang mengandungi sedikit maklumat yang mampu menolong kita bersedia menghadapi peristiwa masa depan, tetapi ia perlu dianalisis kerana ramalan-ramalan ini mungkin tidak jelas bagi semua pembacanya kerana ketidakbiasaan dengan petanda-petanda di dalam ramalan, dan sudahnya mungkin juga ia tidak akan difahami sehinggalah peristiwa itu sendiri berlaku. Berasaskan pemahaman tentang pelbagai

ramalan kenabian ini, mari kita mula melihat dan menganalisis ahadith akhir zaman yang menyebut tentang Rum.

Sebagai permulaan perlu diperjelaskan di sini bahawa hanya ahadith yang disambungkan terus kepada Nabi ﷺ yang boleh diterima adalah yang sahih tersanad ungkapannya daripada Baginda ﷺ, jika sesuatu hadith tidak terbukti sebagai sahih maka ia tidak boleh digunakan sebagai dalil dalam Islam malah tidak boleh kita sambungkan kepada Nabi ﷺ sebagai satu daripada pengucapan Baginda ﷺ. Dengan demikian hanya riwayat sahih mengenai Rum dan akhir zaman akan dibincang, kerana riwayat yang tidak sahih tidak boleh menjadi dalil dalam Islam dan mesti diabaikan oleh mereka yang beriman kerana ketidaksahihannya. Kebanyakan kecelaruan manusia tentang peristiwa-peristiwa masa depan adalah berpunca daripada percambahan ahadith tidak sahih dan palsu dihubungkan kepada Nabi ﷺ. Sekali kita tahu sesuatu hadith yang kita dengar itu tidak sahih maka wajarnya kita tidak memanjangkannya kepada orang lain sebagai yang sahih atau memberi keyakinan seolah ianya sahih, berbuat begitu ialah satu kesilapan dan dosa yang sememangnya perlu kita elakkan.

SIAPAKAH RUM YANG DISEBUT DI DALAM AL-QUR’AN?

Ar-Rum (الروم), bila dirujuk di dalam al-Qur’an dan peristiwa-peristiwa semasa hidup Nabi ﷺ adalah merujuk kepada Empayar Rom Timur yang lebih dikenali pada hari ini sebagai 'Empayar Byzantine'. Nama ini diambil daripada nama purba ibu negara Empayar itu yang asalnya bernama ‘Byzantion’, yang kemudiannya dikenali sebagai Konstantiniyyah (Constantinople), dan kini dipanggil Istanbul. Orang Byzantine sendiri tidak pernah memanggil empayar mereka dengan nama itu, bahkan mereka merujuknya sebagai 'Empayar Rom (Roman)” [Basileia Romaion]. Ini adalah kerana jajahan mereka dari segala seginya bermula sebagai sebuah kerajaan kecil di kota Rom pada tahun 753 Sebelum Masihi (SM) yang bertempat di Semenanjung Itali. Empayar Rom, yang diasaskan di kota Rom telah berkembang hampir keseluruh Eropah, Timur Tengah dan Afrika Utara, dan kemudian atas sebab saiznya menjadi terlalu besar telah berpecah kepada dua buah wilayah pentadbiran – Empayar Rom Barat berpusat di kota Rom yang penduduknya bertutur dalam bahasa Latin, dan Empayar Rom Timur berpusat di Konstantiniyyah yang kebanyakan penduduknya bertutur dalam bahasa Yunani (Greek). Empayar pada waktu itu masih tetap satu jajahan, cuma berpecah kepada dua wilayah untuk memudahkan pentadbiran. Kemudian Empayar Barat menjadi lemah dan akhirnya jatuh pada tahun 476 Masihi (M) apabila dikalahkan oleh suku kaum Jermanik dari utara yang menyerang bumi mereka, maka hanya Empayar Timur terus kekal sebagai Empayar Rom. Ia tetap terus memanggil dirinya Empayar Rom walaupun pada hakikatnya kota Rom bukan lagi sebahagian miliknya, kerana nama 'Rom' pada masa itu mewakili empayar seluruhnya dan bukan lagi sekadar kota

yang namanya digunakan untuk merujuk kepada empayar itu. Sejarawan kemudian menamakannya Empayar Rom Timur untuk membezakannya daripada Empayar Rom pada zaman awalnya yang terdiri daripada bahagian Barat yang bertutur bahasa Latin dan bahagian Timur yang bertutur bahasa Yunani. Untuk menjelaskannya dengan lebih lanjut, nama 'Empayar Byzantine' digunakan oleh sejarawan bagi Empayar Timur sekalipun nama itu tidak pernah dipakai oleh umat Rom sendiri. Dalam bahasa Arab, empayar ini sepanjang kewujudannya sentiasa dinamakan hanya sebagai Rum. Sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas menjelaskan bahawa Rum dalam bahasa Arab tanpa sebarang keraguan merujuk kepada Empayar Rom yang berpusat di Konstantiniyyah yang dikenali oleh sejarawan Barat sebagai Empayar Timur/Byzantine. Hadith itu meriwayatkan butiran surat yang pernah dikirim Rasulullah ﷺ kepada pemimpin Rum, dan surat itu dibuka dengan:

إِلَى هِرَقْلَ عَظِيمِ الرُّومِ

"Kepada Heraklius, ketua agung Rum." [Tirmidhi 2717]

Boleh difahami daripada kalimah-kalimah surat ini bahawa apa yang dipanggil Rum pada zaman Nabi ﷺ ialah Empayar Byzantine Rom berpusat di Konstantiniyyah yang pemimpinnya ialah Heraklius. Sejarah merekodkan bahawa Heraklius (Flavius Heraclius Augustus) merupakan pemimpin Empayar Rom dari 610–641 M bertepatan dengan masa hidup Nabi ﷺ, maka kita yakin Rum khusus merujuk kepada Empayar Byzantine yang berpusat di Konstantiniyyah. Penjelasan perlu dibuat sekali lagi bahawa kota Rom bukanlah sentiasa sebahagian daripada Empayar Byzantine namun orang-orang Arab terus merujuk jajahan itu sebagai Rum (walaupun benar kota Rom itu sendiri pernah ditawan semula oleh Empayar Byzantine dan berada dibawah kuasaan mereka secara bersela sepanjang pemerintahan mereka), maka Rum sebenarnya bukanlah merujuk kepada kota Rom di Itali, tetapi sebaliknya tidak lain dan tidak bukan merujuk kepada Empayar Rom berpusat di Konstantiniyyah yang pada asasnya 'mewarisi' nama Empayar Rom berikutan kejatuhan Empayar Rom Barat ke tangan penyerang bangsa Jermanik. Dengan demikian, semua kawasan dibawah takluk Empayar Byzantine dirujuk oleh kaum Muslimin sebagai Rum. Sebagai contoh, Pulau Rhodes yang terletak di laut Mediterranean pernah disebut di dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh beberapa Sahabat Nabi ﷺ:

كُنَّا مَعَ فَضَالَةَ بْنِ عُبَيْدٍ بِرُودِسَ مِنْ أَرْضِ الرُّومِ

"Kami bersama Fadalah bin 'Ubayd berada di Rhodes di bumi Rum." [Abu Dawud 3219]

Pulau Rhodes yang kini di bawah negara Greek (Greece) adalah pada waktu itu sebahagian daripada Empayar Byzantine, dan dengan demikian dirujuk sebagai sebahagian daripada Rum. Maka dengan itu, semua kawasan yang menjadi sebahagian daripada Empayar Byzantine dianggap sebagai Rum oleh kaum Muslimin. Maka, jika

mana-mana kawasan itu hilang daripada tangan Empayar Byzantine ia dianggap bukan lagi sebahagian daripada Rum. Apabila umat Islam mula menakluk sebahagian kawasan Empayar Byzantine, kawasan-kawasan yang dijajah oleh kaum Muslimin tidak lagi dikira sebahagian daripada Rum, hanya kawasan yang masih dikuasai kaum Byzantine dianggap sebagai Rum. Konsep definisi Rum menurut kaum Muslimin awal tidak boleh difahami mengikut takrif geografi, kerana ia tidak merujuk kepada kota asal bernama Rom mahupun sebarang kawasan tertentu sepanjang waktu atau zaman. Sebaliknya, jika sesuatu kawasan dimiliki Empayar Rom maka ia dinamakan Rum oleh kaum Muslimin selagi ia dikuasai Empayar Byzantine, dan jika ia hilang daripada jajahan Empayar itu maka ia tidak lagi dipanggil Rum. Demikian itu, entiti Rum difahami sebagai kawasan yang dikuasai oleh Empayar Byzantine. Takrif kawasan mana yang dimiliki Rum menurut kaum Muslimin jelas merupakan suatu takrif politik, iaitu mana-mana kawasan yang Empayar Rom memerintah dan mengekalkan kuasa politik keatasnya.

Apa yang perlu kita faham dengan itu ialah apabila Allah berfirman tentang Rum di dalam al-Qur’an, ia merujuk kepada empayar yang wujud pada suatu waktu tertentu (sekitar 615 M). Kaum Rom (Romans) yang disebut di dalam Surah ar-Rum itu adalah penduduk Empayar Byzantine semasa Wahyu diturunkan. Maka setiap kali Rum disebut seseorang perlulah mengambil perhatian kawasan mana dikuasai Empayar Byzantine ketika itu untuk mengetahui bumi Rum mana yang sedang diperkatakan. Sebagai contoh, pada tahun 615 M Rhodes dianggap sebagai sebahagian daripada Rum, bagaimanapun sepanjang sejarahnya ia dimiliki oleh empayar dan negara yang berbeza, maka dengan itu pengelasannya bergantung kepada siapa yang menguasainya. Secara kasarnya, garis masa status politik Rhodes adalah seperti berikut:

Abad ke-16 SM – Minoa
Abad ke-15 SM – Mycenae
Abad ke-8 SM – Dorians
490 SM – Empayar Parsi
478 SM – Liga Athens
408 SM – Rhodes Bebas
357 SM – Caria
340 SM – Empayar Parsi
332 SM – Kerajaan Macedonia
323 SM – Rhodes Bebas
164 M – Empayar Rom
395 M – Empayar Rom Timur/Byzantine
1309 – Knights Hospitaller
1522 – Empayar Uthmaniyyah
1912 – Itali
1943 – Jerman
1947 – Greek

Dapat diperhatikan daripada garis masa di atas, pada 164 M Rhodes menjadi sebahagian daripada Empayar Rom dan apabila Empayar itu dipecah kepada dua wilayah ia menjadi sebahagian daripada Empayar Rom Timur/Byzantine. Ini beerti bahawa sejak ia mula dihuni oleh kaum Minoa pada abad ke-16 SM, ia tidak pernah diketahui sebagai sebahagian daripada Rum sehinggalah Empayar Rom menguasainya pada 164 M, bermakna Rhodes hanya dirujukkan sebagai sebahagian daripada Rum ketika ia dikuasai oleh umat Rom. Dengan demikian, pada ketika Rum hilang kuasa ke atas Rhodes ia tidak lagi dianggap sebahagian daripada Rum. Selain daripada selama 400 tahun dikuasai oleh bangsa Uthmaniyyah (atas sebab yang akan dibincang kemudian), adalah jelas bahawa Rhodes bukan lagi sebahagian daripada Rum setelah ia hilang daripada tangan Empayar Byzantine. Kini kita ketahui Rhodes adalah sebahagian daripada Greek, bermakna ia kembali kepada penguasaan bangsa Greek yang pusat kerajaannya di Athens seperti dari tahun 478 SM–408 SM, dan sebagaimana kita ketahui bahawa Rhodes bukanlah sebahagian daripada Rum ketika dikuasai oleh kaum Greek Athens, demikian juga kini ia bukan sebahagian daripada Rum, sebaliknya hanya ketika Rhodes dikuasai oleh Empayar Rom dan pewaris-pewarisnya ia dianggap sebahagian daripada Rum.

Pemahaman bagaimana sesuatu kawasan menjadi sebahagian daripada Rum ini adalah penting untuk mengetahui kawasan-kawasan yang dianggap Rum pada waktu yang berlainan. Memahami bahawa sesuatu kawasan itu merupakan sebahagian daripada Rum selagi ia dikuasai oleh Rum membantu kita untuk mengenalpasti kawasan-kawasan yang mana adalah sebahagian daripada Rum pada waktu-waktu tertentu dalam sejarah, serta membantu kita memahami apa yang membentuk Rum itu sendiri, dan ianya ialah kawasan-kawasan yang berada di bawah kuasa politiknya.

SEJARAH DAN ASAL-USUL RUM MENURUT IBN KATHIR & HUBUNGANNYA DENGAN KAUM EDOMIT

Dalam tafsir al-Qur'annya yang masyhur, ulama Islam Ibn Kathir meluangkan sedikit masa menggambarkan siapakah Rum yang dimaksudkan di dalam surah al-Qur'an yang dinamakan sempena nama Rum. Seperti ramai sebelum dan selepas beliau, dia dengan tepat menyatakan Rum sewaktu penurunan al-Qur'an ialah Empayar Byzantine. Pada masa Ibn Kathir menulis tafsirnya (1370 M), Empayar Byzantine yang disebut di dalam al-Qur'an masih wujud, namun ia telah merosot kepada negeri yang lemah dan hanya mempunyai wilayah kecil di penjuru tenggara Eropah. Sekalipun pada hakikatnya ibu negara umat Rom Byzantine masih lagi Konstantiniyyah (kota yang terbaik pertahanannya di dunia pada masa itu) namun jajahan pemerintahannya hanyalah seumpama bayangan berbanding masa lalu. Walau bagaimanpun, sekalipun ia lemah dan jajahannya telah banyak mengecil, ia berjaya

mempertahankan ibu negaranya daripada penceroboh-penceroboh luar, dan hanya setelah hampir seabad selepas zaman Ibn Kathir barulah kerajaan Uthmaniyyah akhirnya menawan kota dan kubu kuat terakhir daripada mereka, seterusnya membawa kepada kejatuhan Empayar Rom Byzantine.

Ibn Kathir memulakan perbincangannya tentang umat Rom dengan memetik daripada sumber *isra'iliyyat*, iaitu riwayat-riwayat yang diambil daripada kaum Yahudi dan Nasrani dan tidak didapati samada di dalam al-Qur'an atau as-Sunnah. Ibn Kathir berpegang bahawa apabila tiada bukti mengenai umat terdahulu di dalam Wahyu Allah, maka dibolehkan untuk melihat apa yang Ahlul Kitab (iaitu Yahudi dan Nasrani) memperkatakan mengenai mereka. Kaedah ini tidak diterima sebagai satu cara penentuan fakta, dan sekiranya seseorang hanya menerima pakai apa yang sahih semata-mata maka pastinya tanpa ragu-ragu mereka wajib menolak perkhabaran seperti itu. Amat penting untuk diberi perhatian bahawa Ibn Kathir bagaimanapun tidak memetik riwayat-riwayat mereka sebagai bukti pemutus, tetapi beliau memetik mereka sekadar sebagai catatan yang mungkin benar atau tidak, dan beliau bersetuju mereka tidak boleh digunakan untuk mendakwa sesuatu sebagai fakta kerana adalah mustahil untuk mengesahkan kesahihan riwayat-riwayat seperti itu. Riwayat *isra'iliyyat* dengan demikian merupakan cerita-cerita dan pernyataan kaum Yahudi dan Nasrani yang dipetik sebagai suatu kemungkinan hanya apabila tiada Wahyu yang jelas mengenai sesuatu perkara.

Ibn Kathir menyatakan di dalam tafsirnya ketika memperkatakan tentang umat Rom: "Berkenaan umat Rum, mereka adalah daripada keturunan Al-Is (Esau) bin Ishak bin Ibrahim".

Pada pandangan pertama kenyataan ini mungkin kelihatan pelik kepada mereka yang biasa dengan sejarah Empayar Rom, kerana diketahui ramai bahawa tiada orang Rom dari Empayar Rom Barat mahupun Empayar Byzantine yang berketurunan daripada Esau, yang berdarah Semitik/Semite dari Timur Tengah. Asal-usul kedua-dua umat Rom Barat dan Byzantine tanpa ragu bukanlah daripada Esau atau mana-mana kaum Semitik lain, sebaliknya asal umat Rom terawal berakar daripada kaum Latin (Latini) yang bertutur bahasa Indo-Eropah (Latin) dan tidak mempunyai hubungan langsung dengan golongan kaum Semite. Bangsa Latin terdahulu telah mendirikan beberapa negeri di wilayah tengah Semenanjung Itali dan mereka saling bermusuhan sesama sendiri dalam peperangan Latin, sehinggalah negeri yang terkuat mengalahkan yang lain-lainnya dan menubuhkan sebuah kerajaan untuk semua orang Latin, iaitu negara kota yang kita kenali tidak lain selain Rom. Dengan itu terbukti dalam sejarah bahawa Rom asalnya diasaskan oleh bangsa Latin. Jadi mengapakah Ibn Kathir menyatakan bahawa orang Rom berketurunan Esau, seorang Semite dari Timur Tengah? Asal kenyataan ini dijumpai di dalam keterangan para rabi dan ilmuwan Yahudi yang mengaitkan orang Rom dengan kaum Edomit. Bahkan, Empayar Rom dan Rom itu sendiri biasanya dirujuk oleh orang Yahudi sebagai *Edom* (bermakna 'merah' dalam

Hebrew), satu amalan yang berterusan sehingga hari ini. Maka siapa pula kaum Edomit itu? Mereka sebenarnya adalah daripada keturunan Esau, seorang yang juga biasa dikenali dengan gelaran 'Edom'.

Sebab mengapa orang Yahudi mengaitkan kaum Edomit dengan umat Rom ialah kerana kaum Edomit yang mendiami kawasan yang kini diketahui sebagai barat daya Jordan serta sebahagian tenggara Palestin telah bersekutu dengan bangsa Rom, dan daripada kaum Edomit lahir salah sebuah keluarga pemerintah Palestin. Pemerintah daripada keluarga itu yang termasyhur di dalam sejarah ialah Herod yang Agung, yang dikatakan sebagai pemerintah Palestin di zaman Nabi Isa as. Herod beretnik Edomit dan memerintah bagi pihak Empayar Rom yang ketika itu masih berpusat di Rom. Dengan itu, orang Yahudi mengaitkan Empayar Rom dengan kaum Edomit, kerana umat Rom yang berurusan dengan mereka dan yang mereka ketahui adalah sebenarnya daripada etnik Edomit yang memerintah wilayah Palestin Empayar Rom. Hakikat orang Yahudi melihat kaum Edomit sebagai umat Rom menunjukkan bahawa bagi orang Yahudi juga takrif Rum itu bersifat politik dan bukannya etnik. Orang Yahudi menganggap kaum Edomit sebagai umat Rom kerana kaum Edomit telah bersatu dengan Empayar Rom dan menjadi pentadbir wilayah-wilayah Rom di Palestin. Satu lagi pengajaran yang boleh diperolehi di sini ialah orang Yahudi tetap melihat kaum Edomit sebagai umat Rom sekalipun kaum Edomit itu menganut agama Yahudi, ini membuktikan bahawa sekalipun kaum Edomit tidak berkongsi agama pagan mereka-mereka di Rom, mereka masih sebahagian daripada Rum.

Sekali lagi, perlu diingati bahawa semua dakwaan ini tentang kaum Edomit bukanlah bersumberkan al-Qur’an atau as-Sunnah tetapi hanyalah pernyataan orang Yahudi, maka mereka tidak menjadi bukti bagi kita walaupun disebut oleh Ibn Kathir. Bagimanapun, asas bahawa Rum boleh dikaitkan dengan suatu kumpulan etnik selain daripada bangsa Rom (Latin) sebenar yang berasal dari semenanjung Itali dilihat sebagai sesuatu yang diterima sejagat dan takrif ini diguna oleh umat Muslimin, Yahudi dan juga Rom sendiri.

Hubungan antara Rum dan kaum Edomit yang disebut oleh Ibn Kathir maka ada asas sejarahnya, apabila bangsa Rom menyerap bumi kawasan Edomit dan menyebabkan demonim ‘Edomit’ untuk terhilang, sehingga mereka kemudian dikenali sebagai umat Rom dan mereka dilantik menjadi pentadbir wilayah-wilayah jajahan Rom di Timur Tengah. Kaum Edomit telah menjadi sebahagian daripada umat Rom dan hilang identiti mereka sebagai Edomit sehinggalah mereka tidak lagi dikenali sebagai Edomit tetapi meresap sepenuhnya sebagai umat Rom. Inilah puncanya mengapa akhirnya nama ‘Edomit’ ditinggalkan dan digantikan dengan ‘Rom’, sepertimana keturunan Aztek kini tidak lagi menamakan diri mereka sebagai Aztek, tetapi sebagai ‘Mexican’, sempena nama bumi mereka yang diberi oleh *conquistadores* (penjajah Sepanyol). Begitulah bagaimana kaum yang asalnya dikenali sebagai Edomit kemudiannya dikenali sebagai umat Rom Palestin.

Ibn Kathir menyambung, “Mereka adalah sepupu kepada Bani Israil, dan mereka juga dikenali sebagai Bani al-Asfar”.

Kaum Edomit amat rapat persaudaraan mereka dengan kaum Yahudi (Bani Israil) kerana mereka bersama-sama berketurunan Nabi Ishaq as, dan inilah sebab mengapa Ibn Kathir menyatakan mereka adalah sepupu. Walau bagaimanapun, orang Yahudi mengatakan bahawa kaum Edomit telah menyeleweng daripada agama Nabi Ishaq as dan mula menyembah pelbagai berhala orang Rom disamping Allah, maka mereka dianggap murtad oleh kaum Yahudi yang menolak peyembahan berhala. Nama 'Edom' itu sendiri bermakna merah dalam bahasa Hebrew dan diketahui sebagai nama lain bagi Esau, sepertimana diceritakan bahawa dia berkulit kemerahan sewaktu dilahirkan. Maka, nama 'Edomit' harfiahnya bermakna 'anak-anak sang merah'. Tetapi apa yang menarik ialah istilah yang sering dipakai orang Arab untuk merujuk kepada umat Rom ialah 'anak-anak sang kuning' (iaitu Bani al-Asfar). Sekali imbas kelihatan kedua warna merah dan kuning adalah saling berbeza dan tidak mungkin merujuk kepada individu atau orang yang sama, namun pengetahuan lebih mendalam tentang Hebrew Purba akan segera menunjukkan mereka berkemungkinan besar merujuk kepada warna yang sama.

Dalam bahasa Hebrew Purba tidak ada cara jelas untuk menyebut 'kuning' kerana tiada perkataan untuk warna kuning pada masa itu di dalam bahasa mereka. Satu perkataan terdekat untuk menggambarkan warna kuning dalam bahasa Hebrew Purba ialah *yaruq* yang sebenarnya bermakna 'hijau', bagaimanapun ia juga digunakan untuk merujuk kepada warna emas yang kita kaitkan dengan warna kuning. Hakikat bahawa kuning sebagai satu warna tidak wujud di dalam bahasa Hebrew Kuno bermakna tiada cara untuk menyatakan sesuatu itu adalah kuning, maka penutur Hebrew akan membandingkan bayangan kuning yang dilihat dengan warna yang terhampir, jika ia kuning-kehijauan ia dipanggil hijau, dan jika ia kuning-kemerahan ia dipanggil merah. Ini beerti bahawa penggunaan istilah *Edom* untuk menggambarkan bayi baru lahir yang 'kemerahan' mungkin sebenarnya merujuk kepada warna yang kita lebih cenderung kaitkan dengan kuning, sesuatu perkara biasa bagi bayi baru lahir yang dijangkiti demam kuning (*jaundice*), khususnya kerana bayi dengan demam kuning kelihatan kemerahan (perkataan *jaundice* itu sendiri berasal daripada perkataan Perancis *jaune* yang bermakna kuning). Inilah barangkali mengapa apabila orang Yahudi memanggil Esau 'kemerahan' mereka berkemungkinan merujuk kepada bayangan yang kekuningan lebih daripada merah pekat.

Spektrum warna menunjukkan peralihan antara hijau, kuning, dan merah.

Nama Bani al-Asfar disebut di dalam as-Sunnah dan merujuk kepada kumpulan etnik yang bersekutu dan juga merupakan warga Rom Byzantine. Sebagai contoh terdapat satu hadith yang diriwayatkan di dalam Sahih Bukhari:

إِنَّهُ يَخَافُهُ مَلِكُ بَنِي الأَصْفَرِ

"Sesungguhnya Raja Bani al-Asfar (merujuk kepada Heraklius, Maharaja Rom) juga takut akan dia." [Sahih al-Bukari 2978]

Adakah ia satu kemungkinan bahawa warga Rom yang dirujuk sebagai 'anak-anak sang kuning' di dalam bahasa Arab sebenarnya adalah sama dengan 'anak-anak sang merah' yang dirujuk di dalam bahasa Hebrew? Ianya berkemungkinan besar, dan apabila telah dinyatakan dengan jelas bahawa kedua-dua nama itu ditujukan kepada umat Rom, maka sukar untuk mengandaikan bahawa ianya merujuk kepada sesiapa yang lain selain umat Rom. Bani al-Asfar dan kaum Edomit berkemungkinan besar adalah satu golongan yang sama, keduanya merujuk kepada keturunan Esau yang kemudiannya menjadi warga Rom. Ini menjelaskan mengapa Ibn Kathir menyatakan Bani al-Asfar sebagai sebahagian daripada umat Rom dan juga sepupu kepada orang Yahudi, satu keterangan yang hanya tertuju khusus kepada kaum Edomit dan bukan kepada kumpulan lain sepanjang sejarah.

Ibn Kathir selanjutnya menceritakan tentang Rum dengan menyebut bahawa merekalah yang membina Kuil Jupiter di Damsyik, dan kemudiannya memeluk agama Kristian dan menjadikan kota Konstantiniyyah sebagai tapak mereka. Dengan menyebut perkara ini kita dapat melihat dengan jelas bahawa beliau mengaitkan Rum dengan tidak lain selain Empayar Rom yang diasaskan di kota Rom, dan beliau tidak membezakan di antara Empayar Rom Barat dan Timur, sebaliknya keduanya dipanggil Rum. Sejarah menunjukkan bahawa adalah benar umat Rom yang telah membina Kuil Jupiter di Damsyik, dan kita tahu mereka telah meninggalkan paganisme untuk agama Kristian. Beliau mengaitkan Rum bukan sahaja dengan umat Rom semasanya, iaitu umat Rom Timur/Byzantine, tetapi juga dengan bangsa Rom Barat yang lebih awal dan ini menunjukkan bahawa beliau menganggap Rum bukanlah suatu negara monolitik yang bertempat di suatu kawasan yang tetap, sebaliknya beliau menerima hakikat bahawa takrif Rum berubah mengikut masa dengan ketara. Dua daripada

perubahan itu adalah amat penting untuk diberi perhatian – pertama Rum dahulunya menyembah banyak tuhan dan merupakan golongan pagan, kemudian mereka menjadi Kristian, maka Rum tidak ditakrifkan oleh agama tertentu, tetapi sebaliknya empayar mereka tetap kekal sebagai Rum sekalipun setelah mereka menerima agama Kristian. Ini membayangkan bahawa Rum tidak semestinya perlu menjadi Kristian (atau agama lain), kerana hakikatnya terdapat masa apabila mereka adalah umat pagan, namun masih diketahui sebagai Rum. Fakta penting kedua ialah Rum telah berubah lokasi tetapi ia masih terus dipanggil Rum. Ia berpindah daripada berpusat di Rom ke berpusat di Konstantiniyyah, dan masih dipanggil Rum oleh Ibn Kathir sekalipun setelah hilang kuasa kawalan ke atas kota Rom. Daripada keterangan Ibn Kathir tentang Rum jelas bahawa satu-satunya faktor yang beliau iktiraf sebagai takrif Rum ialah taat setia dan kesepunyaan kepada kuasa politik empayar tanpa memgira agama atau lokasi.

APAKAH YANG MENAKRIF RUM?

Memandangkan telah diketahui dan diterima bahawa Rum telah amat ketara berubah ciri-cirinya dari masa ke masa, daripada negara kota yang kecil berpusat di Rom membangun menjadi Kerajaan Beraja Rom, kemudian Empayar Rom, dan akhirnya Empayar Byzantine, maka timbul persoalan, apakah sebenarnya yang menakrif Rum? Telah difahami bahawa Rum, walaupun diasaskan di Rom dan dinamakan sempena kota itu, terus kekal dipanggil Rum setelah empayarnya hilang kekuasaan ke atas kota Rom, maka sangat penting untuk difahami apa sebenarnya yang menakrif Rum dan apakah faktor-faktor yang tidak berkaitan dengan takrifannya.

Faktor-faktor utama yang dapat kita fahami sebagai tidak berkaitan dalam menakrif Rum, dan mengapa mereka tidak berkaitan adalah seperti berikut:

1. Lokasi – Rum diasaskan di kota Rom yang menjadi ibu negaranya selama lapan abad, sehinggalah kemudian berpindah ke kota Konstantiniyyah (kini Istanbul) di mana ibu kota empayar itu kekal selama 11 abad. Ibu kota Empayar Rom Barat juga pernah berada di bandar Milan dan Ravenna untuk beberapa tempoh waktu yang singkat. Keluasan kawasan Rum telah berubah-ubah dari masa ke semasa, ia bermula sebagai sebuah kerajaan kecil yang cuma menguasai kota Rom, dan di kemuncaknya menguasai hampir seluruh Eropah, seluruh Anatolia, kebanyakan wilayah Kaukasus dan Timur Tengah, dan sebahagian besar Mesir serta Afrika Utara. Penguasaan kota Rom tidak selalu berada di tangan Rum, dan sewaktu Byzantine menguasai Rum kawalan ke atas kota Rom telah hilang sepenuhnya pada awal abad ke-9 dan gagal diambil semula oleh Rum sehinggalah ke hari ini. Hakikat bahawa Rum telah menguasai banyak kawasan, dan diasaskan di Rom dan kemudian berakhir sebagai

hanya kota Konstantiniyyah menunjukkan Rum tidak terbatas kepada sesuatu kawasan sahaja, sebaliknya ia sentiasa ditakrif sebagai semua kawasan yang dijajah oleh Rum. Al-Qur'an dan as-Sunnah mengesahkan kenyataan ini, dengan merujuk kepada lokasi Rum sebagai wilayah jajahan semasa sahaja, dan bukannya kekal di sesuatu tempat yang khusus.

2. Jenis Kenegaraan – Rum telah melalui beberapa tahap kewujudan, bermula sebagai negara beraja (753 SM–509 SM), kemudian sebagai republik (509 SM–27 SM), dan seterusnya menjadi sebuah empayar (27 SM–1453 M). Kerana ia telah wujud dalam pelbagai bentuk, Rum juga difahami sebagai tidak terikat dengan satu jenis kenegaraaan, sebaliknya ia telah wujud dalam pelbagai bentuk berbeza, dan kita tidak dikhabarkan di dalam al-Qur'an atau as-Sunnah bahawa ia mesti terikat dengan suatu jenis pemerintahan.

3. Etnik/Suku Kaum – Rom pada awalnya diperintah oleh seorang raja berketurunan Latini (Latins) dan sebahagian besar warganya adalah Latin, walau bagaimanapun raja keduanya datang daripada suku kaum Sabines. Apabila Rom berkembang ia mula menyerap kaum-kaum sekitarnya seperti kaum Albans, Sabines, kaum Latin yang selebihnya dan seterusnya semua suku kaum di semenanjung Itali, daripada Sicels dan Italoites di selatan, Samnites dan Umbrians di tengah, sehinggalah ke Etruscan, Umbrians dan Celts di utara. Apabila kekuasaan Rom berkembang, ia menjajah kebanyakan Eropah dan pemerintahnya terdiri daripada suku kaum dan bangsa berikut: Latin, Sabine, Etruscan, Celt, pelbagai kaum Itali, Gaul, Sepanyol, Dacia, Moesi, Illyria, Carthaginia, Syria, Mauretania, Pannonia dan Danubia.

Pemerintah Kerajaan Beraja, Republik dan Empayar Rom berasal daripada suku kaum di atas, dan ini menunjukkan bahawa Rum tidak terbatas khusus kepada suatu suku kaum atau etnik. Inilah sebabnya mengapa Empayar Rom walaupun kemudiannya bersambung dibawah pemerintahan bangsa Greek Byzantine masih dianggap sebagai Rum, kerana Rum tidak pernah ditakrif oleh mana-mana etnik tertentu. Tambahan pula tiada tersebut di dalam al-Qur'an atau
Sunnah bahawa Rum hanya berkait dengan suatu kaum tertentu, selain dikhabarkan bahawa Bani al-Asfar itu adalah satu daripada pelbagai suku kaum Rom.

4. Bahasa – Rum mempunyai dua bahasa utama sepanjang sejarahnya, Latin dan Greek. Latin adalah bahasa Rom sehingga jatuhnya Empayar Barat, setelah itu Empayar Timur Byzantine mengambil alih dan bahasa utama Empayar menjadi Greek. Bersama-sama dua bahasa rasmi ini, tentu banyak bahasa lain yang ditutur di kalangan pelbagai rupa bangsa orang yang diperintah oleh bangsa Rom, namun dua bahasa yang luas tersebar ke seluruh Empayar ialah Latin dan Greek. Kenyataaan Rum telah wujud dengan dua bahasa rasmi, Latin dan Greek, menjelaskan bahawa tiada bahasa khusus

bagi Rum, demikian juga kita tidak diberitahu di dalam al-Qur’an dan Sunnah bahawa Rum bertutur dalam suatu bahasa yang khusus.

5. Agama – Rum bermula sebagai negara beraja yang menyembah tuhan-tuhan orang Greek yang telah diberi nama Latin, dan ini menjadi suatu agama yang dikenali sebagai Agama Bangsa Rom. Maka pada peringkat awalnya, Rum adalah sebuah empayar pagan. Pada tahun 380 M maharaja Rom, Constatine memeluk agama Kristian, dan agama empayar bertukar daripada paganisme kepada agama Kristian. Sepanjang beberapa abad, pelbagai bentuk agama Kristian telah diperkenalkan di kalangan maharaja Rom, setengahnya trinatarian, setengahnya Arian (unitarian) dan setengahnya di antara keduanya, dan dirujuk sebagai separa-Arians. Empayar Timur Byzantine kemudiannya menganut agama Kristian mazhab Ortodoks, sementara Empayar Barat kekal taat kepada Paus (Pope) di Rom dan dikenali sebagai mazhab Katolik. Bersama dengan agama Kristian, ramai orang Yahudi tinggal di Rum di wilayah Palestin dimana Empayar Rom mengatur hal ehwal agama mereka dan bertoleransi dengan agama Yahudi. Juga telah dibongkar oleh ramai sejarawan bahawa untuk beberapa abad ramai tentera Rom menganut agama bernama Mithraisme yang berasal dari Parsi. Memandangkan agama-agama ini pernah wujud di Rum dan agama rasmi Rum sering bertukar sepanjang beberapa abad, ia jelas bahawa tiada satu agama yang menakrif Rum, sebaliknya agama bukanlah dan tidak pernah menjadi faktor penentu identiti Rum.

Jika Rum tidak ditakrif oleh lokasi, jenis kenegaraan, bahasa dan agama, maka apakah yang menakrif Rum sepanjang beberapa abad itu? Jawapannya, sebagaimana dibayangkan sebelum ini, ialah Rum adalah sebuah negara politik yang hanya dikenalpasti dengan tidak lain selain afiliasi politik. Malah semasa Empayar Rom dibahagi dan Empayar Barat runtuh, ia tetap berterusan sebagai Empayar Timur yang telah menjadi pusat politik Rum dan tapak ibu negara serta tampuk kuasa politiknya. Setiap takrif yang dikemukan di atas boleh dipertimbangkan sebagai ciri-ciri spesifik Rum pada masa-masa tertentu, tetapi mereka bukanlah takrif Rum itu sendiri, maka untuk cuba mengenalpasti Rum di zaman kita hanya identiti politik Rum yang mempunyai erti dan bukannya mana-mana butir di atas.

IDENTITI RUM SELEPAS KEJATUHAN EMPAYAR ROM DAN DI AKHIR ZAMAN

Maka timbul persoalan – sekiranya pada masa lalu Rum merujuk hanya kepada Empayar Rom di semua peringkatnya, siapakah yang sewajarnya difahami sebagai merujuk kepada Rum di dalam ramalan kenabian yang berkait dengannya pada masa kita dan di akhir zaman?

Apa yang tinggal daripada Empayar Rom Byzantine yang berpusat di Konstantiniyyah akhirnya jatuh ke tangan umat Muslimin apabila Muhammad Al-Fatih menawan kota itu pada tahun 1453, menamatkan Empayar Rom yang bertahan beberapa abad lamanya. Jika tidak disebut akan Rum di dalam ramalan kenabian tentang akhir zaman, tentunya seseorang akan mengandaikan Rum tuntas berakhir dengan kejatuhan Konstantiniyyah dan berakhirnya Empayar itu pada tahun 857 H (1453 M), bagaimanpun apabila Nabi ﷺ bersabda tentang Rum di dalam peristiwa-peristiwa mendatang bermakna tanpa ragu Rum akan wujud di akhir zaman, dan bahkan tidak pernah putus kewujudannya malah terus wujud dengan identiti baru. Sepertimana Empayar Rom Barat runtuh dan Empayar Byzantine mewarisi gelaran Rum, demikian juga dengan kejatuhan Empayar Byzantine, identiti Rum 'telah diwarisi' oleh entiti baru, dan akan terus wujud sehingga akhir zaman. Selepas kita tahu bahawa Empayar Rom yang berpusat di Rom sudah tiada, dan Empayar Byzantine yang mewarisinya juga sudah tidak wujud, kita bertanya, siapa pula yang mewarisi gelaran Rum? Siapakah Rum pada hari ini dan apakah mereka sama seperti Rum yang disebut di dalam ramalan kenabian yang disabda oleh Nabi Allah ﷺ?

Saya bukanlah orang pertama bertanya soalan-soalan ini dan bukan juga yang pertama membincang perkara ini, bahkan saya boleh mengandaikan dengan selamat bahawa ramai daripada kita yang membaca buku ini pernah bertanya diri sendiri soalan-solan yang sama sebelum ini dan mungkin pernah mendengar pelbagai pendapat kepada siapa Rum dirujuk mengikut pandangan ramai yang lain tentang perkara ini. Saya biasa dengan pelbagai pandangan dan fahaman tentang kepada siapa Rum di dalam ramalan kenabian itu dirujuk, dan saya sedar bahawa terdapat banyak perbezaan dalam perkara ini dan tiada kesimpulan yang dipersetujui mengenai identiti Rum. Ini adalah kerana sifat ramalan itu yang seperti saya terangkan sebelumnya, jelas tentang sesetengah perkara dan kurang jelas tentang yang lain. Identiti Rum seperti yang kita tahu tidak pernah terikat kepada kumpulan atau tempat tertentu dan disebabkan perkara ini ramai ilmuan klasik menganggap bahawa Rum sentiasa merujuk kepada Empayar Rom (iaitu Empayar Byzantine) yang mereka tahu pada masa mereka, dan jelas ini akan menjadi rumusan utama selagi seseorang itu menjangkakan Empayar Rom itu kekal sehingga ke zaman ramalan-ramalan itu akan berlaku, bagaimanapun apabila Empayar Rom itu jatuh dan tidak wujud lagi, identiti Rum pada masa depan menjadi kabur maka itulah sebab mengapa tiada persetujuan tentang fahaman siapa yang akan menjadi Rum walaupun di kalangan ilmuan Islam terdahulu, dan juga tidak jelas bagaimana untuk kita kenali siapakah mereka pada masa kita. Sebelum menganalisa pelbagai pendapat yang ada tentang siapa itu Rum, saya ingin memberitahu anda bahawa saya mempunyai pandangan peribadi yang kukuh tentang siapakah Rum itu dan selepas melihat pandangan-pandangan oleh yang lain saya akan menerangkan mengapa saya berpegang kepada pandangan ini dan meninggalkan kepada anda untuk memutuskan sendiri samada bersetuju atau tidak. Apa yang perlu difahami walau apapun ialah saya tidak mengaku tanpa keraguan bahawa saya adalah betul dan yang lain adalah salah kerana sifat ramalan itu adalah tidak jelas, maka kita hanya boleh membuat kesimpulan berdasarkan pemahaman kita, dan kita tidak boleh bertegas bahawa kesimpulan kita adalah benar padahal perkara tersebut belum berlaku

dan kita perlu berhati-hati dalam mendakwa bahawa kita mengetahui apa yang akan berlaku pada masa depan dan inilah sebab mengapa saya akan mengatakan bahawa saya mempunyai pandangan yang saya menyokong kuat berdasarkan bukti-bukti yang akan saya bentangkan, tetapi tidak dalam apa cara sekalipun saya mengaku bahawa apa yang saya sokong itu pasti benar tanpa sebarang keraguan. Sebaliknya kita sentiasa menyebut tentang urusan masa depan seperti itu "Allahu a'lam" (hanya Allah yang Maha Mengetahui). Setelah semua itu diperkatakan, di sini adalah beberapa pendapat yang biasa ditemui mengenai identiti Rum, dan saya akan menangguhkan pandangan saya selepas pendapat-pendapat ini dibincangkan.

PENDAPAT-PENDAPAT YANG LAZIM DITEMUI MENGENAI IDENTITI RUM PADA MASA KINI

Muslim ini tidak berkaitan dengan sifat negara itu sendiri yang kufur. Sepertimana Empayar Moghul di bawah Aurangzeb diperintah dengan hukum Islam walaupun majoriti rakyatnya beragama Hindu, demikian juga Turki hari ini diperintah oleh sekularisme sedangkan majoriti rakyatnya adalah Muslim hanya pada nama. Mereka yang berjuang untuk pihak sekularis di dalam perang menentang kaum Muslimin juga adalah sekularis, dan mereka yang Muslim tidak sekali akan bersama pihak sekularis tetapi akan bersama saudara seagama mereka. Dengan yang demikian, konfrantasi antara Turki dan umat Muslim di zaman kita ini bukanlah satu di antara Muslimin.

Terdapat lebih banyak kepada isu ini berkenaan peristiwa-peristiwa tertentu yang akan berlaku di dalam peperangan antara Rum dan kaum Muslimin, sebagaimana Nabi ﷺ telah khabarkan kepada kita akan berlaku. Hal-hal ini akan dibincang secara berasingan di dalam bab berikutnya, bagaimanapun apa yang ditulis di atas cukup untuk membuktikan bahawa pemerintahan Rum di bawah Republik Turki bukanlah satu yang Islamik, tetapi anti-Islamik dan ia berkemungkinan besar akan membawa Turki ke kancah peperangan melawan kaum mukminin.

RUM DI DALAM AHADITH AKHIR ZAMAN

Nabi Allah ﷺ telah memberitahu kita peranan yang akan dimainkan oleh Rum di akhir zaman nanti, maka dengan itu persediaan untuk menghadapinya adalah suatu yang sangat penting bagi umat Islam. Namun jika kita gagal mengenalpasti Rum atau gagal menafsir dengan betul pernyataan Nabi ﷺ tentang peristiwa di akhir zaman, tentunya kita tidak akan mampu membuat persediaan yang mencukupi untuk menghadapi zaman tersebut. Maka dengan itu kita perlu memastikan bahawa kita benar-benar memahami apa yang telah diriwayatkan kepada kita dan bukan setakat hanya meneka apa yang dimaksudkan, supaya kita pada akhirnya mendapat manfaat daripada peringatan-peringatan tersebut.

Nabi Allah ﷺ telah memberitahu kita bahawa umat Islam akan berperang dengan Rum dan tempat peperangan ini akan berlaku ialah di bumi Syam dan kawasan sekitarnya dan di Anatolia (Turki). Bukti bahawa konfrantasi ini akan berlaku di Syam disebut di dalam hadith berikut:

لاَ تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَنْزِلَ الرُّومُ بِالأَعْمَاقِ أَوْ بِدَابِقَ فَيَخْرُجُ إِلَيْهِمْ جَيْشٌ مِنَ الْمَدِينَةِ مِنْ خِيَارِ أَهْلِ الأَرْضِ يَوْمَئِذٍ

“*Tidak akan tiba kiamat sehingga umat Rum mendarat di al-A'maq atau di Dabiq. Akan datang pasukan tentera yang terdiri daripada mereka yang terbaik di bumi pada masa itu dari Madinah untuk menentang mereka*.” [Sahih Muslim 2897]

Kedua al-A'maq dan Dabiq terletak di bahagian barat laut Syam. Dabiq adalah sebuah bandar kecil yang terletak hampir tepat ke utara bandar Aleppo dan sangat dekat dengan sempadan Turki sekarang. al-A'maq ialah suatu kawasan yang terletak kebanyakannya di dalam wilayah Hatay di Turki (yang secara geografinya sebahagian daripada Syam) dan mengunjur ke arah timur laut ke kawasan berdekatan Aleppo. Ia dinamakan al-A'maq kerana ia kawasan datar yang dikelilingi gunung-gunung, dan al-A'maq (kata nama jamak bagi ‘*amq*) dalam bahasa Arab merujuk kepada kawasan yang menyerupai lembangan atau lembah yang dikelilingi kawasan pergunungan. Makna asal ‘*amq* di dalam bahasa Arab ialah dasar perigi, yang ianya rendah, rata dan dikelilingi sempadan bertebing tinggi. Kawasan ini sentiasa dikenali kepada orang berbahasa Turki disini sebagai Lembah Amuq, menunjukkan bahawa nama tersebut kekal sama sehingga hari ini walau di kalangan orang bukan Arab.

Peta menunjukkan lokasi Dabiq dan al-A'maq.

Ada sesetengah pihak yang mencadangkan bahawa al-A'maq sebenarnya adalah di Yaman atau di tempat lain, kerana terdapat banyak kawasan serupa di seluruh dunia yang mendatar dan dikelilingi gunung-ganang. Sudah tentu jika kita mempertimbangkan semua kawasan yang geografinya seperti itu, terdapat ribuan kawasan yang layak menjadi kawasan yang disebut itu, namun dalam konteks hadith tersebut kelihatan agak jelas bahawa al-A'maq ialah kawasan yang bersebelahan dengan Dabiq. Adalah sangat tidak mungkin bahawa Dabiq disebut semasa terdapat kawasan yang diketahui sebagai al-A'maq bersebelahannya, tetapi apabila al-A'maq disebut ia merujuk kepada kawasan selain dari al-A'maq yang bersebelahan denganya.

Kita telah dikhabarkan bahawa di kawasan inilah Rum akan datang menyerang umat Muslim dan ini merupakan satu lagi bukti jelas bahawa Turki ialah Rum pada masa kita kini (dan berkemungkinan besar juga pada masa peperangan itu nanti) kerana Turki yang menguasai kawasan utara Dabiq serta hampir seluruh al-A'maq, dan tidak dapat difikirkan bahawa mana-mana negara lain akan memasuki Syam melalui Turki untuk memerangi umat Islam selain Turki sendiri. Sekiranya berlaku serangan dari pihak Turki, ia hampir pasti daripada sudut taktikal akan berlaku melalui al-A'maq dan Dabiq, dan Turki ialah satu-satuya negara di dunia ini yang mempunyai jalan masuk ke kawasan ini. Mana-mana pakar strategi tentera akan bersetuju bahawa jika Turki menyerang Syam, kawasan terbaik untuk melakukannya ialah melalui kawasan di dalam atau di sekitar Dabiq dan al-A'maq.

Hadith tersebut bersambung dan membicarakan tentera yang akan menentang Rum:

فَيُقَاتِلُونَهُمْ فَيَنْهَزِمُ ثُلُثٌ لاَ يَتُوبُ اللَّهُ عَلَيْهِمْ أَبَدًا وَيُقْتَلُ ثُلُثُهُمْ أَفْضَلُ الشُّهَدَاءِ عِنْدَ اللَّهِ وَيَفْتَتِحُ
الثُّلُثُ لاَ يُفْتَنُونَ أَبَدًا فَيَفْتَتِحُونَ قُسْطُنْطِينِيَّةَ

“*Mereka akan melawan musuh itu, dan sepertiga tentera akan lari, Allah tidak akan mengampunkan mereka. Sepertiga akan terkorban dan mereka adalah syuhada terbaik di sisi Allah. Sepertiga akan diberi kemenangan dan mereka tidak akan diuji, dan mereka akan menawan Istanbul*.” [Sahih Muslim 2897]

Bahagian hadith ini menerangkan bahawa peperangan dengan Rum akan membawa kepada penawanan kota Istanbul, dan jelas membayangkan Turki akan terlibat di dalam peperangan itu menentang umat Muslimin yang akan mengalahkan mereka. Sementara teks hadith itu sendiri tidak menyebut dengan jelas bahawa Istanbul pasti merupakan sebahagian daripada Rum semasa penawanannya, namun agak jelas daripada konteks hadith itu bahawa kekalahan Rum akan menjadi punca kepada

penawanan Istanbul, oleh itu membayangkan bahawa Istanbul akan menjadi sebahagian daripada Rum, dan seperti diketahui pada masa kini Istanbul merupakan kotaraya terbesar dan terpenting di Turki dan *status quo* ini tidak berkemungkinan akan bertukar sehingga kejatuhannya. Oleh sebab disebut juga bahawa umat Muslimin yang mengalahkan tentera Rum yang dihantar untuk menyerang negara Islam adalah sama dengan kumpulan yang akan menawan Istanbul, maka ia sekali lagi mengisyaratkan bahawa ini adalah sebahagian daripada peperangan yang sama di antara negara Islam dan Rum. Hakikat bahawa tentera Muslimin akan berpusat di Syam jelas daripada fakta bahawa disitulah mereka akan bertembung dengan Rum dan ke situlah mereka akan pulang selepas menawan Istanbul.

Di dalam satu riwayat daripada Abdullah bin Mas'ud, dia menerangkan peperangan akan berlaku di antara kaum Muslimin dan Rum dan berkata:

إِنَّ السَّاعَةَ لاَ تَقُومُ حَتَّى لاَ يُقْسَمَ مِيرَاثٌ وَلاَ يُفْرَحَ بِغَنِيمَةٍ . ثُمَّ قَالَ بِيَدِهِ هَكَذَا - وَنَحَّاهَا نَحْوَ الشَّأْمِ - فَقَالَ عَدُوٌّ يَجْمَعُونَ لأَهْلِ الإِسْلاَمِ وَيَجْمَعُ لَهُمْ أَهْلُ الإِسْلاَمِ . قُلْتُ الرُّومَ تَعْنِي قَالَ نَعَمْ وَتَكُونُ عِنْدَ ذَاكُمُ الْقِتَالِ رَدَّةٌ شَدِيدَةٌ فَيَشْتَرِطُ الْمُسْلِمُونَ شُرْطَةً لِلْمَوْتِ لاَ تَرْجِعُ إِلاَّ غَالِبَةً

“Sesungguhnya tidak tiba kiamat sehingga manusia tidak lagi membahagi harta pusaka dan mereka tidak lagi bergembira dengan rampasan perang”. Kemudian dengan tangannya menunjuk ke arah Syam dia berkata, “Musuh akan berkumpul menentang umat Muslimin dan umat Muslimin akan berkumpul menentang mereka”. Dia ditanya, “Adakah anda maksudkan Rum?” dan dia menjawab “Ya, dan akan berlaku pertempuran sengit dan umat Muslimin akan bersiap dengan tentera yang sedia untuk berlawan sehingga mati yang tidak akan kembali kecuali dengan kemenangan.” [Sahih Muslim 2899]

Hadith itu bersambung dan menceritakan bahawa pertempuran itu adalah seperti suatu yang tidak pernah disaksikan sebelumnya:

فَيَقْتُلُونَ مَقْتَلَةً لَمْ يُرَ مِثْلُهَا حَتَّى إِنَّ الطَّائِرَ لَيَمُرُّ بِجَنَبَاتِهِمْ فَمَا يُخَلِّفُهُمْ حَتَّى يَخِرَّ مَيْتًا

“Mereka akan bertempur dalam satu pertempuran seperti yang belum pernah disaksikan, sehingga jika ada burung terbang melaluinya, ia akan jatuh mati sebelum menyeberangi ke hujungnya.”

Ini membayangkan bahawa pertempuran itu bukan sahaja mengancam mereka yang di atas mukabumi bahkan membahayakan apa yang berada di udara, barangkali mencerminkan pengeboman udara yang telah menjadi antara ciri utama peperangan moden, dimana burung di udara juga tercedera kerana betapa sengitnya pertempuran itu.

Beliau menjelaskan bahawa ini akan berterusan selama empat hari, dengan setiap hari pihak Muslimin menghantar lebih ramai pejuang menghadapi tentera Rum, dan dari kalangan mereka yang pergi ke medan perang hanya seorang daripada setiap 100 akan selamat. Kerana inilah tiada siapa yang akan bergembira dengan pembahagian harta rampasan perang. Beliau kemudian memberitahu bahawa selepas itu al-Masih palsu (al-Masih ad-Dajjal) akan muncul dan Nabi ﷺ menghkhabarkan sekumpulan sepuluh ahli berkuda dari kalangan Muslimin akan mara ke depan untuk merisik keadaan dan mereka adalah ahli pasukan berkuda terbaik di bumi ketika itu, dan Baginda tahu nama mereka dan juga warna kuda mereka. Apa yang penting diperhatikan di sini ialah di dalam hadith terdahulu di dalam Sahih Muslim (nombor 2897) di mana diriwayatkankan bahawa kaum Muslimin akan menawan Istanbul, dinyatakan sebaik sahaja Istanbul ditawan ad-Dajjal akan muncul, bermakna kedua hadith ini merujuk kepada peristiwa yang sama dan ia jelas membayangkan bahawa peperangan yang berlaku itu adalah di antara negara Islam melawan Rum, dan ia melibatkan pertempuran yang sengit dalam tempoh yang singkat dan bahawa Istanbul akan ditawan, bermakna ia akan ditawan kerana peperangan di antara dua pihak iaitu negara Islam dan Rum.

Urutan peristiwa-peristiwa ini dijelaskan di dalam satu hadith lain yang membicarakan apa yang akan berlaku pada masa itu:

سَتُقَاتِلُونَ جَزِيرَةَ الْعَرَبِ فَيَفْتَحُهَا اللَّهُ ثُمَّ تُقَاتِلُونَ الرُّومَ فَيَفْتَحُهَا اللَّهُ ثُمَّ تُقَاتِلُونَ الدَّجَّالَ فَيَفْتَحُهَا
قَالَ جَابِرٌ فَمَا يَخْرُجُ الدَّجَّالُ حَتَّى تُفْتَحَ الرُّومُ

"Kamu akan berperang dengan orang Semenanjung Arab dan Allah akan mengurniakan kemenangan. Kemudian kamu akan berperang dengan Rum dan kemenangan akan dikurniakan Allah. Kemudian kamu akan berperang dengan ad-Dajjal dan kemenangan akan dikurniakan Allah." Jabir menceritakan tentang ini, "ad-Dajjal tidak akan muncul sehingga kamu berperang dengan Rum". [Sunan Ibn Majah 4091]

Ini sekali lagi mengesahkan bahawa kemunculan ad-Dajjal akan didahului peristiwa penawanan Istanbul oleh kaum Muslimin.

Satu perkara yang perlu diingati apabila berbincang tentang penawanan Istanbul yang akan berlaku itu ialah ini merupakan bukti nyata bahawa pemerintah murtadin Turki adalah tidak sah, kerana jika mereka adalah sah dan pembela Islam sebenar (sepertimana dipercayai oleh sesetengah orang yang keliru) maka tentunya umat Islam tidak akan memerangi mereka dan Nabi ﷺ tidak akan memuji umat Islam yang mengalahkan mereka. Sekiranya seseorang berkata mungkin kepimpinan sekarang dan mereka yang sealiran dengan pemikiran mereka tidak akan berkuasa pada masa itu (semasa perang melawan Rum) maka ini membuktikan bahawa mereka bukan daripada golongan yang lurus, sebagaimana Nabi ﷺ bersabda bahawa selepas zaman pemimpin zalim akan datang Khilafah yang mengikuti manhaj kenabian dan tidak pernah berkata kezaliman akan menggantinya, menunjukkan bahawa setelah golongan ahlul haq menegakkan kuasa tiada lagi golongan zalim yang akan menggantinya. Maka golongan yang mempunyai kepimpinan ke atas Turki sekarang adalah golongan riddah dan hari-hari mereka semakin pendek.

Hadith berikut mengkhabarkan kepada kita siapakah yang di dalam angkatan tentera yang akan menawan Istambul dan bagaimana mereka akan menawannya:

النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم قَالَ سَمِعْتُمْ بِمَدِينَةٍ جَانِبٌ مِنْهَا فِي الْبَرِّ وَجَانِبٌ مِنْهَا فِي الْبَحْرِ قَالُوا نَعَمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ لاَ تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَغْزُوَهَا سَبْعُونَ أَلْفًا مِنْ بَنِي إِسْحَاقَ فَإِذَا جَاءُوهَا نَزَلُوا فَلَمْ يُقَاتِلُوا بِسِلاَحٍ وَلَمْ يَرْمُوا بِسَهْمٍ قَالُوا لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ فَيَسْقُطُ أَحَدُ جَانِبَيْهَا قَالَ ثَوْرٌ لاَ أَعْلَمُهُ إِلاَّ قَالَ الَّذِي فِي الْبَحْرِ ثُمَّ يَقُولُوا الثَّانِيَةَ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ فَيَسْقُطُ جَانِبُهَا الآخَرُ ثُمَّ يَقُولُوا الثَّالِثَةَ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ فَيُفَرَّجُ لَهُمْ فَيَدْخُلُوهَا فَيَغْنَمُوا فَبَيْنَمَا هُمْ يَقْتَسِمُونَ الْمَغَانِمَ إِذْ جَاءَهُمُ الصَّرِيخُ فَقَالَ إِنَّ الدَّجَّالَ قَدْ خَرَجَ فَيَتْرُكُونَ كُلَّ شَىْءٍ وَيَرْجِعُونَ

Nabi ﷺ bertanya, “Pernahkah kamu mendengar tentang sebuah kota, sebahagianya di darat dan sebahagian lagi di laut?” Mereka menjawab, “Ya”. Nabi ﷺ menyambung, “Kiamat tidak akan tiba sebelum 70,000 daripada keturunan Ishaq menyerangnya. Apabila mereka datang mereka tidak akan menyerang dengan senjata, tidak juga akan mereka melancar sesuatu kepadanya. Mereka akan berkata, ‘Laa ilaaha illa Allahu wa Allahu akbar’, dengan itu akan runtuh sebelahnya, kemudian mereka mengulangi sedemikian buat kali kedua, 'Laa ilaaha illa Allahu wa Allahu akbar', dan kota itu akan terbuka untuk mereka dan mereka akan memasukinya dan mengambil ghanimah (rampasan perang) darinya dan membahagikannya sesama mereka apabila datang

seorang kepada mereka dan menjerit, 'ad-Dajjal sudah muncul', dan dengan itu mereka akan meninggalkan semuanya dan balik (ke Syam)." [Sahih Muslim 6979]

Kita telah dikhabarkan bahawa tentera penyerang terdiri daripada 70,000 Muslimin daripada keturunan Ishaq as. Ramai yang mendengar khabar ini telah mereka-reka pelbagai idea yang aneh tentang siapakah sebenar 70,000 orang ini. Sebagai contoh ada yang mencadangkan bahawa mereka itu adalah kaum Yahudi yang memeluk Islam, kerana kaum Yahudi (Bani Israil) adalah berketurunan Ishaq as. Memang benar bahawa kaum Yahudi berketurunan Ishaq as, tetapi mereka bukan satu-satunya kaum yang berketurunan Ishaq as. Ishaq as mempunyai dua anak lelaki, Ya'qub as (dikenali sebagai Israil) dan Esau yang telah dibincangkan dahulu. Seperti yang kita ketahui, keturunan Esau menduduki wilayah ke timur wilayah Bani Israil di kawasan yang kita kenali sekarang sebagai Jordan dan Syria, dan pada masa kini mereka tinggal di seluruh Syam, dan mungkin juga membentuk majoriti penduduk di sana. Dengan itu adalah berkemungkinan besar bahawa 70,000 daripada Bani Ishaq itu ialah umat Islam di Syam, dan ini mudah diterima akal kerana merekalah umat yang tinggal bersebelahan sempadan Rum.

Hadith berikutnya menyatakan:

ثُمَّ هُدْنَةٌ تَكُونُ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَ بَنِي الأَصْفَرِ فَيَغْدِرُونَ فَيَأْتُونَكُمْ تَحْتَ ثَمَانِينَ غَايَةً، تَحْتَ كُلِّ غَايَةٍ اثْنَا عَشَرَ أَلْفًا

"*Akan ada perjanjian antara kamu dan Bani al-Asfar tetapi mereka akan mengkhianati kamu. Mereka akan datang kepada kamu dengan 80 ghayah, setiap satunya mengandungi 12,000 orang.*" [Sahih Bukhari 3176]

Ramai yang mengungkap hadith ini apabila berbicara tentang Rum, bagaimanapun perkara pertama yang boleh dilihat ialah Rum sebenarnya tidak disebut di dalamnya. Yang disebut ialah Bani al-Asfar, dan seperti yang dibincangkan dahulu Bani al-Asfar ialah kumpulan etnik berketurunan Esau, dan mereka menduduki seluruh kawasan Syam, walaupun sejarahnya mereka bertumpu di Jordan dan kawasan sekitarnya. Telah dinyatakan sebelumnya bahawa di zaman Nabi Isa, Bani al-Asfar bersekutu dengan orang Rom, bagaimanapun setelah Rum kalah di kawasan Palestin/Jordan, mereka bukan lagi warga Rum dan berada di bawah pemerintahan umat Islam. Sehingga kini Bani al-Asfar masih mendiami wilayah yang hampir sama, maka apabila disebut tentang mereka adalah tidak betul untuk menyamakan mereka dengan Rum kerana Rum bukanlah satu kumpulan etnik, Bani al-Asfar juga tidak berpindah dari wilayah mereka apabila Rum dikalahkan dan ditolak keluar dari Syam oleh kaum

Muslimin. Perlu diingati bahawa Nabi ﷺ menyebut Bani al-Asfar dan bukannya Rum, dan jika Baginda mahu mengatakan Rum pasti telah bersabda demikian. Untuk mengatakan bahawa Bani al-Asfar semestinya ialah Rum adalah sangat tidak betul, kerana Bani al-Asfar ialah suatu kaum dan bukannya suatu entiti politik. Perkara yang sama berlaku dengan orang India, pada satu ketika mereka boleh dianggap sebagai British kerana Britain menguasai mereka dan mereka menjadi Britons yang orangnya menyanyi lagu "*God Save the Queen* (Tuhan selamatkan Permaisuri)" dan mengibar bendera "*Union Jack*". Namun apabila Empayar British menjadi semakin lemah mereka hilang kekuasaan ke atas India, dan hari ini orang India bukan lagi British tetapi menguasai wilayah mereka sendiri. Dengan cara ini, Bani al-Asfar satu ketika itu adalah sebahagian daripada Rum, namun kini mentadbir hal-ehwal mereka dan memimpin negara sendiri. Anak cucu Esau terdiri daripada banyak kabilah, seperti Amaleq dan lain-lain, dan semuanya diketahui menetap di Syam dan kawasan sekitarnya.

Maka, terdapat dua kemungkinan apabila mendalami hadith ini. Samada Bani al-Asfar merujuk kepada mereka yang tinggal di pusat kawasan wilayah keturunan Esau dan mereka kebanyakannya adalah orang Jordan pada masa kini, atau ia merujuk kepada sesetengah Bani al-Asfar yang berhijrah ke Turki dan menjadi sebahagian daripada Rum. Hakikat bahawa disebut perjanjian damai mencadangkan ia adalah berkaitan dengan perjanjian damai yang akan dibuat dengan Rum (disebut di dalam hadith berikutnya), namun adalah salah untuk menganggap keduanya mesti merupakan perjanjian yang sama, kerana mungkin berlaku banyak lagi perjanjian damai dengan pihak lain, dan jika tiada sesuatu yang memaklumkan secara khusus bahawa keduanya adalah perjanjian yang sama, maka tidak wajar bagi kita secara muktamad menganggap itulah hakikatnya.

Kita telah dimaklum bahawa umat Muslimin yang berada di atas kebenaran akan mempunyai perjanjian damai (*hudnah*) dengan Bani al-Asfar. Istilah *hudnah* boleh membawa beberapa maksud dari suatu perjanjian rasmi ke suatu keadaan tanpa pertelingkahan, dengan itu ia cuma bermaksud bahawa umat Islam tidak akan berperang dengan Bani al-Asfar untuk suatu tempoh masa, kemudian mereka akan dikhianati dan pertelingkahan berlaku antara keduanya. Kita dimaklumkan Bani al-Asfar akan datang kepada umat Muslimin di bawah 80 *ghayah*. Perkataan *ghayah* mempunyai banyak makna dan dengan itu kita akan cuba membicarakan semua kemungkinannya. Kemungkinan terbesar ialah ia merujuk kepada bendera, kerana *ghayah* dalam konteks peperangan ialah bendera, dan ini boleh merujuk kepada bendera sebuah batalion atau bendera sebuah negara. Selain itu, ia mungkin merujuk kepada apa sahaja kumpulan yang berkongsi niat atau tujuan sama, bagaimanapun dalam hal ini juga kelihatan ia merujuk kepada batalion tentera. Kita dimaklumkan di dalam setiap bahagian terdapat 12,000 orang, bermakna jumlahnya hampir sejuta orang (960,000 setepatnya). Ini menunjukkan bahawa ia adalah satu angkatan besar yang terdiri daripada unit-unit kecil. Ada yang mengandaikan bahawa ia merujuk kepada angkatan bersekutu seperti yang kita lihat sekarang di mana banyak telah

negara berkumpul, setiap satunya menyumbang sebahagian tentera masing-masing untuk turut sama berperang. Apa yang menarik tentang kemungkinan ini ialah kita kini menyaksikan ‘sekutu’ yang diketuai AS ini sedang berusaha mahu memerangi umat Muslimin, bagaimanapun mereka belum berjaya mendapat sekutu di kawasan ini untuk menjadi barisan hadapan pakatan ini. Dua calon menarik bagi mereka adalah Jordan dan Turki; bagaimanapun pada masa ini keduanya enggan bertindak sedemikian, kerana mereka masih mengekalkan keadaan di mana mereka tidak melibatkan diri di dalam peperangan. Maka kedua Jordan dan Turki berada di dalam keadaan *hudnah*, namun keadaan ini boleh segara berubah.

Hadith seterusnya menyatakan:

سَتُصَالِحُكُمُ الرُّومُ صُلْحًا آمِنًا ثُمَّ تَغْزُونَ أَنْتُمْ وَهُمْ عَدُوًّا فَتُنْصَرُونَ وَتَغْنَمُونَ وَتَسْلَمُونَ ثُمَّ تَنْصَرِفُونَ
حَتَّى تَنْزِلُوا بِمَرْجٍ ذِي تُلُولٍ فَيَرْفَعُ رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الصَّلِيبِ الصَّلِيبَ فَيَقُولُ غَلَبَ الصَّلِيبُ . فَيَغْضَبُ
رَجُلٌ مِنَ الْمُسْلِمِينَ فَيَقُومُ إِلَيْهِ فَيَدُقُّهُ فَعِنْدَ ذَلِكَ تَغْدِرُ الرُّومُ وَيَجْتَمِعُونَ لِلْمَلْحَمَةِ

“*Orang Rum akan membuat perjanjian damai dengan kamu dan kamu bersama dengan mereka akan berperang menentang satu musuh sama dan kamu akan menang. Kamu akan mengutip ghanimah dan tidak berperang antara satu sama lain, sehinggalah kamu tiba di kawasan berumput yang berbukit, kemudian seorang daripada golongan salib akan mengangkat salib dan melaungkan 'salib telah berjaya'. Seorang daripada umat Muslimin akan menjadi marah kepadanya dan menerpa kepada salib dan menjatuhkannya dari tempatnya. Kerana itu, umat Rom akan mengkhianati kamu dan berkumpul untuk malhamah (perang besar).*”
[Sunan Ibn Majah 4089]

Hadith ini menyebut Rum secara khusus dan dengan itu kita tahu ia merujuk secara khusus kepada Turki, tidak seperti hadith sebelumnya yang samar kepada siapa yang dirujuk. Kita dimaklumkan bahawa umat Muslimin di atas kebenaran akan mengadakan perjanjian (*sulh*) dengan Rum dan berperang menentang tentera musuh yang sama. Sekali lagi, seperti *hudnah*, *sulh* tidak semestinya satu perjanjian rasmi, ia boleh hanya menjadi perdamaian bukan resmi tanpa pertelingkahan di antara kedua pihak. Kita dimaklumkan bahawa musuh itu akan dikalahkan dan kedua pihak tidak berperang satu sama lain, sehinggalah seorang golongan salib bangga mengaku bahawa salib telah membawa kemenangan dan selepas itu bermula pertelingkahan di antara kedua pihak. Perlu disedari bahawa istilah 'golongan salib' ialah satu istilah yang tidak digunakan di mana-mana bahagian lain di dalam Wahyu. Biasanya orang Kristian dipanggil Nasrani bagaimanapun di dalam hadith ini orang itu tidak dipanggil Nasrani tetapi sebagai orang golongan salib. Istilah ini serasi dengan kalimah *crusader*

atau *salibi* (tentera salib). Sepertimana seorang ahlul kitab boleh dipanggil *kitabi*, demikian juga *salibi* (*crusader*) boleh terdiri daripada ahlus salib. Dengan demikian kelihatan bahawa Rasul Allah ﷺ mengkhabarkan kepada kita bahawa orang itu bukanlah seorang umat Kristian biasa, tetapi dia ialah seorang tentera salib, segolongan orang Kristian yang bertekad untuk memerangi umat Muslimin demi mencuba menegakkan agama mereka di bumi Islam. Hakikat bahawa AS adalah yang paling nekad dalam hal ini kini, dan pemimpin mereka Bush secara terbuka merujuk peperangan mereka melawan umat Muslimin sebagai perang salib mungkin bermaksud ia merujuk kepada samada seorang tentera AS atau seorang daripada tentera sekutu mereka. Seorang Muslim akan menentang pujiannya kepada salib itu lalu menghentam salib itu, menjatuhkannya dari kedudukannya, dan menyebabkan pergaduhan yang menjadi punca perbalahan antara umat Muslimin dan Rum.

Ada sesetengah orang memahami maksud hadith ini meramalkan bahawa tentera salib itu dari Rum, tetapi ini adalah tidak betul. Jika dia dari Rum tentu Baginda menyebut bahawa dia dari Rum, walaupun kedua Muslimin dan Rum disebut di dalam hadith itu, dikhususkan disini bahawa dia bukan dari keduanya tetapi dari kumpulan lain iaitu golongan salib. Jika hadith itu menyatakan 'seorang dari Rum' atau 'seorang dari mereka', maka kita akan berkata dia seorang Kristian dari Rum, bagaimanapun ia bukanlah begitu dan kita dimaklumkan dia seorang tentera salib yang hadir pada masa itu tanpa kita mengetahui sebabnya, atau lebih berkemungkinan dia ialah seorang anggota daripada angkatan yang bersekutu dengan Rum. Ini bukanlah bermakna bahawa umat Muslimin akan membuat perjanjian damai dengan tentera salib; sebaliknya ia hanya bermaksud umat Muslimin tidak akan berperang dengan Rum yang bersekutu dengan tentera salib dan oleh sebab mereka sedang berperang dengan musuh yang sama, mereka tidak berperang di antara satu sama lain ketika itu.

Suatu perkara yang patut diberi perhatian di dalam hadith itu ialah ia menetapkan bahawa golongan salib itu ialah kumpulan yang berasingan daripada Rum kerana mereka tidak dianggap sebagai sebahagian daripada Rum. Ini sekali lagi membuktikan bahawa Rum tidak semestinya Kristian seperti yang didakwa ramai, cuma mereka (orang Kristian) akan menjadi sekutu Rum.

Pada masa kini kita melihat umat Muslimin mempunyai perjanjian damai tidak rasmi dengan Rum, walaupun berada bersebelahan antara satu sama lain. Walaupun Rum dan umat Muslimin jelas mempunyai perselisihan, pada masa ini mereka tidak berperang kerana mempunyai musuh yang sama, iaitu kaum Kurdi sekular. Kedua-dua Rum dan umat Muslimin sedang memerangi kaum Kurdi dan kelihatan pertelingkahan antara mereka diketepikan, dan mungkin akan terus begitu sehingga musuh dikalahkan. Rum pada masa kini bersekutu dengan tentera salib sebagai sebahagian daripada NATO dan seperti disebut dahulu, adalah calon utama untuk mengetuai peperangan menentang umat Muslimin dan sedang ditekan untuk bertindak demikian oleh golongan salib, namun kerana konflik tempatan dengan kaum Kurdi mereka

enggan bertindak memerangi umat Muslimin yang berperang menentang musuh yang sama. Senario sekarang ini mungkin merupakan apa yang dirujuk oleh hadith tersebut ataupun tidak, bagaimanapun ia sepadan dengan maknanya dan mungkin itulah apa yang dimaklumkan kepada kita. Jika kaum Kurdi dikalahkan berkemungkinan besar Rum akan menghadap umat Islam pula, atas paksaan golongan salib. Pada akhirnya bukanlah sesuatu yang mengejutkan bagi pihak salib untuk gembira melihat Rum mengalahkan orang Kurdi kerana telah beberapa tahun AS dan sekutunya memusuhi kaum Kurdi yang condong kepada fahaman komunis dan mengklasifikasikan mereka sebagai 'pengganas'. Sepertimana golongan salib Kristian senang hati berperang melawan komunisme di seluruh dunia pada masa lalu, demikian jugalah mereka melihat ini sebagai satu kemenangan bagi kepercayaan mereka ke atas golongan komunis Kurdi yang tidak bertuhan itu jika mereka berjaya mengalahnya.

Senario ini tidak semestinya bertepatan dengan apa sebenarnya yang akan terjadi, tetapi ia menggambarkan bagaimana peristiwa di dalam hadith itu mungkin akan berlaku, dan pada masa kita kini ia kelihatan menepati makna hadith itu. Tiada peristiwa lain pada masa kita yang menepati hadith itu dengan begitu sempurna.

Hadith itu memaklumkan kepada kita bahawa sebaik saja perjanjian damai gagal dan umat Muslimin menentang Rum maka peperangan besar (*malhamah*) akan bermula, bermakna penawanan Istanbul akan menjadi kemuncak, jika tidak pengakhiran perang ini. Selepas itu ad-Dajjal akan muncul dan Rum sebagai entiti mungkin berakhir kewujudannya. Terdapat perbahasan jika Rum akan masih wujud setelah kehilangan Istanbul, bagaimanapun jelas bahawa mereka akan mengalami kekalahan yang teruk. Sebab mengapa dibahaskan samada Rum akan berakhir atau tidak ialah kerana hadith ini:

تَقُومُ السَّاعَةُ وَالرُّومُ أَكْثَرُ النَّاسِ

"Kiamat akan berlaku apabila Rum merupakan umat yang teramai"
[Sahih Muslim 2898]

Hadith ini memaklumkan kepada kita tentang masa apabila kiamat akan berlaku, iaitu setelah semua tanda-tanda besar seperti munculnya ad-Dajjal dan terbitnya matahari dari barat. Pada masa itu Rum akan menjadi majoriti, bermakna mereka samada telah bertambah ramai, atau umat manusia yang lain ramai terkorban di dalam perang besar, semasa kemunculan ad-Dajjal dan serangan hebat Ya'juj dan Ma'juj. Walau apa pun yang akan terjadi, kita dimaklumkan dengan jelas bahawa pada hari terakhir kewujudan Rum akan menjadi majoriti manusia di bumi. Perlu diberi perhatian bahawa di antara tanda-tanda besar kedatangan hari kiamat ialah orang yang beriman akan diambil (menyebabkan kematian) oleh angin, meninggalkan hanya orang kafir. Maka ini tidak boleh dilihat sebagai kemenangan bagi Rum ke atas mereka yang

beriman dalam apa cara sekalipun, cuma orang yang beriman akan mati dan ini meninggalkan Rum sebagai majoriti di hari kiamat.

Ramai yang salah faham apabila menelaah hadith ini dan menganggap ia merujuk kepada masa kita kini, atau zaman sebelum perang besar itu, walau bagaimanapun hadith ini dengan jelas menyatakan bahawa ia akan berlaku pada akhir masa di hari kiamat. Pada masa kita kini Rum tidak merupakan majoriti umat manusia, sebaliknya kumpulan manusia terbesar bilangannya ialah orang Cina atau India, dan Rum serta orang bangsa Eropah sebenarnya adalah kumpulan minoriti manusia. Dengan demikian, kelihatan bahawa Rum akan terus wujud dalam suatu keadaan, walau bagaimanapun disebabkan ini berlaku ketika berakhirnya dunia dan tiada lagi orang yang beriman ketika itu, kita berdoa supaya kita tidak menyaksikan bagaimana ini akan berlaku, bahkan kita berdoa supaya kita menjadi orang yang benar-benar beriman yang terselamat daripada malapetaka hari kiamat yang menggerunkan itu.

URUTAN PERISTIWA YANG AKAN BERLAKU DI AKHIR ZAMAN

Ahadith di atas memberi kita pemahaman umum tentang apa yang akan berlaku di antara umat Islam dan umat Rum, dan dengannya kita boleh membina garis masa umum bagaimana peristiwa-peritiwa ini akan terjadi. Perlu dimaklumkan di sini bahawa terdapat ahadith yang tidak dibincang di atas kerana mereka tidak sahih. Mungkin ramai pernah mendengar suatu hadith dan menggunakannya untuk memahami peristiwa mendatang tanpa mereka menyedari bahawa ianya tidak sahih. Dengan demikian apa yang telah dikhabarkan di sini hanyalah apa yang sahih dan hanya daripada ahadith yang sahih kita membentuk pemahaman kita.

Garis masa umum bagi peristiwa-peristiwa ini adalah seperti berikut:

– Umat Muslimin dan Rum akan mempunyai perjanjian damai sesama mereka dan akan berperang menentang musuh yang sama.

– Musuh bersama itu akan dikalahkan dan kemudian umat Muslimin dan Rum akan berperang antara satu sama lain, berkemungkinan bersama sekutu Rum.

– Umat Muslim ketika itu akan berada di wilayah sekitar Syam, dengan al-Ghutah berhampiran Damsyik menjadi kubu kuat kaum Muslim.

– Rum akan menyerang umat Muslimin di Dabiq atau al-A'maq.

– Setelah satu tempoh pertempuran yang sengit, umat Muslimin akan mengalahkan Rum dan menolak mereka sehingga ke Istambul, dan kota itu akan jatuh ke tangan umat Muslim.

– ad-Dajjal akan muncul, dan ujian terbesar yang pernah dihadapi manusia akan bermula.

KATA SUSULAN

Idea untuk menulis buku ringkas ini tercetus selepas satu siri ceramah yang saya sampaikan berkaitan ad-Dajjal. Ramai telah meminta agar saya menyambung siri ini dengan menumpukan kepada bahagian lain mengenai akhir zaman, khususnya zaman di mana umat Islam akan berperang dengan Rum. Pada ketika itu saya telah mendengar pelbagai pendapat tentang siapakah Rum itu nanti, daripada pendapat yang kelihatan munasabah sehinggalah ke pendapat yang langsung tidak masuk akal. Saya bertanya mereka yang meminta saya bercakap mengenai topik ini tentang pandangan mereka, dan setiap mereka mempunyai pandangan tersendiri yang berbeza daripada yang lain. Saya berasa hairan bagaimana sekalipun membaca teks yang sama tetap wujud pelbagai pendapat berlainan, dengan masing-masing keras mempertahankan pandangan mereka. Kemudian saya memutuskan untuk meneliti karya para ilmuan mengenai isu tersebut, tetapi hanya menemui sedikit maklumat daripada karya ilmuan terdahulu kerana semasa hidup mereka Empayar Byzantine masih lagi wujud.

Saya seterusnya menyelidik semua yang berkaitan dengan perkara ini di dalam al-Qur'an dan as-Sunnah, dan saya mendapati bahawa banyak pendapat yang dipegang oleh ramai umat Muslimin adalah tidak berasas, dan biasanya boleh diselusuri kepada beberapa pendakwah yang bercakap berkenaan tajuk ini yang samada jahil atau membuat kesilapan. Sebagai seorang sejarawan saya telah menganalisa sejarah Rum dan memahami asal dan sifat-sifat yang mencirinya, dan dengan segera dapat melihat bahawa hanya terdapat satu kemungkinan tentang siapakah yang boleh menjadi Rum. Saya juga telah meneliti untuk melihat jika ada yang lain yang berpegang kepada pendapat yang sama dan saya mendapati ramai yang lain yang bersependapat bahawa Turki adalah Rum pada masa kini, walaupun pendapat ini tidak tersebar luas atau kerap diperkatakan (keseluruhan topik ini juga jarang diperkatakan) dan dengan demikian pendapat ini tidak diajar atau diterangkan.

Setelah menulis buku ini saya bercakap dengan beberapa ilmuan, guru dan sahabat yang dipercayai untuk mendapat pandangan mereka tentang hal ini. Pertama saya bertanya apakah pandangan mereka sendiri dalam mengenalpasti siapakah Rum pada masa kini, dan tidaklah mengejutkan apabila kebanyakan mereka menjawab samada mereka tidak tahu, atau memberi pendapat-pendapat yang mereka sendiri sedia mengakui bahawa tiada bukti di sebaliknya. Saya kemudian menjelaskan pandangan saya kepada mereka, atau memberi buku ini untuk mereka baca, dan saya bertambah yakin melihat setiap mereka yang saya temui bersetuju bahawa rumusan saya adalah betul dan kaedah yang digunakan untuk sampai ke pendapat ini adalah bernas. Saya mendapati bahawa ramai yang bukan saja menggesa saya untuk mempercepatkan penerbitan buku ini, bahkan juga untuk berusaha supaya ia diterjemahkan kepada sebanyak bahasa lain yang mungkin. Maka saya berharap sesiapa yang mampu

menterjemah dengan tepat buku ini kepada bahasa mereka supaya berbuat demikian, dan tolong mengirim salinannya kepada saya untuk rujukan.

Saya dengan ikhlas memohon maaf kerana tidak membuat buku ini lebih mudah dibaca, saya masih merasakan ia memerlukan lebih masa untuk diperbaiki, kerana saya menulisnya ketika di mana saya tidak berupaya menumpukan sepenuh perhatian kepadanya. Saya akan cuba menyemak dan menerbitkannya semula dengan gaya penulisan yang lebih mudah dibaca, insyaAllah.

Saya juga perlu menambah, iaitu kepada sesiapa yang tinggal di Anatolia atau berketurunan Anatolia yang membaca buku ini dan terasa tersinggung dalam apa cara sekalipun, supaya memahami bahawa buku ini tidak sekali-kali bermaksud untuk merendahkan orang Anatolia atau membayangkan mereka secara negatif. Orang Islam Anatolia dalam sejarah telah banyak mempertahankan agama Islam dan mereka juga telah melahirkan ramai pejuang ummah. Dukacitanya di zaman kita, kerana agenda nasionalis dan sekularis secara agresif telah dipaksa ke atas orang Anatolia, Islam tidak lagi merupakan sumber perundangan dan umat Muslimin yang ikhlas diperangi dan disenyapkan. Matlamat Muhammad al-Fatih untuk menjadikan Empayar Uthmaniyyah 'Rum umat Islam' telah dirampas oleh orang munafiqun dan mereka menukarnya kepada negara sekular Kemalis yang menjadi antitesis sebuah negara Islam. Dengan demikian orang Islam Anatolia yang menginginkan pemerintahan berpandukan agama Allah bukanlah musuh kepada orang Islam lain, bahkan kita semua adalah daripada jemaah yang sama, dan kita semua menentang Rum di masa kita kini yang diperintah dengan hukum kufur dan yang bermusuhan dengan ahlul tauhid. Maka setiap orang Islam Anatolia perlu memutuskan untuk diri sendiri, adakah mereka akan berpihak dengan golongan murtadin yang diketuai Mustafa Kemal, atau berpihak dengan golongan Muslimin yang hanya menyembah Allah dan hanya berundangkan hukum-hakamNya.

Saya berdoa semoga usaha ini memberi manfaat, dan supaya ia sampai ke tangan mereka yang akan paling memperoleh manfaat darinya. Saya berdoa semoga Allah memberi kemenangan kepada ummah ini dan kemenangan kepada jama'atul muslimin yang bersatu di bawah Imam kita.

Semua hasil kerja saya adalah percuma dan boleh diedarkan selagi tidak diubah suai dalam apa jua cara.

InsyaAllah saya akan terus menulis tentang topik-topik sejarah serta peristiwa-peristiwa semasa dan yang akan berlaku di akhir zaman. Saya akan berusaha untuk mengekalkan hasil kerja saya untuk percuma, bagaimanapun saya memohon jika ada sesiapa yang ingin meyumbang dari segi kewangan supaya menghubungi saya melalui emel di bawah. Sokongan seperti ini adalah penting untuk terus menulis dan mengajar,

serta untuk mengembangkan skop media yang digunakan untuk mengedar hasil kerja yang bermanfaat. Saya berdoa semoga Allah akan membalas mereka yang memberi sokongan dengan ganjaran yang tidak kurang daripada sebuah tempat di syurga. Jika anda ingin menderma anda boleh menghubungi saya melalui emel untuk menguruskannya.

Akhirnya sebagai tambahan, sebarang maklum balas, komen, cadangan, soalan atau kritikan boleh dikirim kepada emel di bawah. Saya akan berusaha untuk membalas setiap emel dengan sebaik mungkin.

Alamat emel ialah: **whoisrum@gmail.com**

Musa Cerantonio – 30/4/1436